Sesiapa yang mengerjakan haji kerana Allah dan tidak berkata buruk, dan tidak melakukan maksiat, maka dia kembali seperti hari dilahirkan oleh ibunya

Daripada Abu Hurayrah RA, beliau berkata: Saya mendengar Nabi ﷺ bersabda: "Sesiapa yang mengerjakan haji kerana Allah dan tidak berkata buruk, dan tidak melakukan maksiat, maka dia kembali seperti hari dilahirkan oleh ibunya."

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ menjelaskan bahawa sesiapa yang mengerjakan haji kerana Allah SWT dan tidak melakukan rafath, iaitu persetubuhan dan mukadimahnya seperti mencium dan bersentuhan, serta kata-kata keji dan tidak melakukan fusuq dengan melakukan maksiat dan perbuatan dosa. Antara perbuatan fasik ialah melakukan larangan-larangan ihram, dia kembali dari hajinya dalam keadaan diampunkan, sebagaimana seorang bayi dilahirkan bersih daripada dosa-dosa.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/2758